



KEMENTERIAN PEMBANGUNAN WANITA,
KELUARGA DAN MASYARAKAT

SIARAN MEDIA

“TREND DEMOGRAFI DAN KELUARGA”, TEMA HARI KELUARGA ANTARABANGSA (HKA) 2023

KUALA LUMPUR, 13 MEI – “Trend Demografi dan Keluarga” (*Demographic Trends and Families*) adalah tema yang dipilih oleh Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu (PBB) bagi sambutan Hari Keluarga Antarabangsa 2023, yang disambut pada setiap 15 Mei.

Sambutan Hari Keluarga Antarabangsa (HKA) 2023 wajar diberi perhatian dan dijadikan platform untuk meningkatkan kesedaran masyarakat mengenai impak trend demografi terhadap institusi keluarga di negara ini.

Penduduk dunia telah mencecah angka lapan (8) billion pada penghujung tahun 2022. yang menggambarkan kemajuan luar biasa bidang penjagaan kesihatan, iaitu dengan pengurangan kadar kematian bayi dan kanak-kanak serta peningkatan jangka hayat penduduk. Ini menjadikan penduduk dunia kekal bertambah secara positif walaupun pada kadar yang semakin perlahan kesan daripada penurunan kadar kesuburan penduduk.

Situasi yang sama berlaku di Malaysia iaitu penduduk negara telah bertambah daripada 27.5 juta orang pada tahun 2010 kepada 32.4 juta orang pada tahun 2020, dengan kadar pertumbuhan yang perlahan iaitu hanya 1.7 peratus bagi tahun 2010-2020. Kadar ini adalah lebih rendah berbanding 2.1 peratus bagi tempoh 2000-2010. Keadaan ini banyak dipengaruhi oleh penurunan kadar kesuburan daripada 2.9 pada tahun 2000 kepada 1.7 orang anak bagi setiap wanita pada tahun 2020, di sebalik peningkatan jangka hayat penduduk daripada 72.2 kepada 75.1 tahun dalam tempoh tersebut.

Perubahan demografi ialah salah satu trend mega terpenting yang memberi kesan kepada kehidupan dan kesejahteraan keluarga di seluruh dunia. Trend demografi kebiasaannya dipengaruhi oleh corak kesuburan dan kematian. Penurunan kesuburan berupaya memberikan faedah kepada keluarga iaitu berpeluang memberikan penjagaan kesihatan dan kemudahan pendidikan lebih baik kepada anak-anak. Ini seterusnya dapat membantu pengurangan kadar kemiskinan ke arah pembangunan sosio-ekonomi negara yang lebih baik. Selain itu, kajian membuktikan bahawa penurunan kesuburan juga meningkatkan penyertaan golongan wanita dalam pasaran buruh.

Bersempena sambutan Hari Keluarga Antarabangsa 2023 dan juga sambutan Hari Penduduk Sedunia 2023 yang bakal disambut pada 11 Julai 2023, Kementerian melalui Lembaga Penduduk dan Pembangunan Keluarga Negara (LPPKN) dengan kerjasama Pusat Pengajian Kependudukan, Universiti Malaya (UM) dan *United Nations Population Funds* (UNFPA) merancang pelbagai aktiviti bagi memberi kesedaran kepada masyarakat mengenai impak trend demografi terhadap institusi keluarga melalui Penganjuran Persidangan Kependudukan Kebangsaan 2023 (PERKKS 23) yang akan diadakan di Putrajaya pada 21 dan 22 November 2023.

Persidangan yang membawa tema “**Ke Arah Penduduk Dan Keluarga Yang Mampan, Membangun Malaysia MADANI**” ini amat bertepatan dengan enam (6) tonggak Malaysia MADANI sebagai teras yang memperkukuh kesejahteraan penduduk dan kekeluargaan bagi membangun modal insan yang cemerlang.

####

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT

KEMENTERIAN PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN MASYARAKAT (KPWKM)

13 MEI 2023